

PENGGELASAN DAN KHASIAT TUMBUHAN HERBA DALAM *HERBA LEGASI BONDA*

MAZLAN TADJANG
Kinabatangan, Sabah
mazlantadjang34@gmail.com

*YUSMILAYATI YUNOS**
Universiti Kebangsaan Malaysia
yusmila@ukm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Novel *Herba Legasi Bonda* mengisahkan kepelbagaian khasiat yang terdapat dalam tumbuhan herba dalam alam semulajadi. Tumbuhan herba bukan sekadar digunakan sebagai bahan ubatan tetapi dijadikan sebagai ramuan penambah perisa dan aroma dalam masakan, ulam-ulaman dan bahan pewangi, Misalnya kunyit, halia, kemangi, pucuk manis dan ulam raja sering terdapat dalam masakan yang menjadi hidangan makanan. Tanpa disedari tumbuhan herba tersebut terdapat di tepi-tepi jalan, di taman, didapur dan ditanam di halaman rumah untuk dijual di pasar atau dimakan bersama keluarga. Amalan menggunakan tumbuhan herba telah banyak dikongsi oleh pengamal perubatan tradisional dalam bentuk penulisan bukan ilmiah seperti majalah, novel dan penulisan ilmiah. Antara tujuan lain penulisan ini ialah untuk mengenal pasti pengelasan tumbuhan herba, nama tumbuhan herba dan menjelaskan khasiat herba dalam merawat penyakit menggunakan sistem perubatan tradisional yang terkandung dalam novel *Herba Legasi Bonda*. Kaedah kualitatif dan analisis kandungan digunakan dalam penulisan ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tumbuhan ubatan penting dalam bidang perubatan Melayu khususnya sebagai kaedah rawatan alternatif. Terdapat empat pengelasan tumbuhan ubatan dengan 23 jenis tumbuhan yang dinyatakan dalam novel ini. Penjenisan tumbuhan ubatan ini terdiri daripada tumbuhan berdaun, tumbuhan berbuah, tumbuhan berizom dan tumbuhan berbunga. Antara penyakit yang dinyatakan dalam novel ini misalnya penyakit tekanan darah tinggi, batuk, radang, luka dan lemas. Kaedah mengubati beberapa jenis penyakit menggunakan tumbuhan ubatan adalah menerusi kaedah melayur dan merebus. Penulisan kreatif mengenai tumbuhan ubatan perlu diperluaskan agar masyarakat sedar akan kepentingan tumbuhan ubatan yang masih diamalkan sebagai rawatan alternatif yang dapat menyembuhkan penyakit.

Kata kunci: Amalan; novel *Herba Legasi Bonda*; penyakit; perubatan tradisional; tumbuhan ubatan

CLASSIFICATION AND BENEFITS HERBAL PLANTS IN *HERBA LEGASI BONDA*

ABSTRACT

Herba Legasi Bonda's novel tells the story of the variety of nutrients found in herbal plants in nature. Herbs are not only used as medicinal ingredients but are used as ingredients to enhance flavor and aroma in cooking, side dishes and fragrances. For example, turmeric, ginger, basil, sweet shoots and king herbs are often found in dishes that become food dishes. Unknowingly, the herb plants are found on the sides of the road, in the garden, in the kitchen and planted in the yard to be sold in the market or eaten with the family. The practice of using herbal plants has been widely shared by traditional medicine practitioners in the form of non-scientific writing such as magazines, novels and scientific writing. Among other purposes of this writing is to identify the classification of herbal plants, the name of herbal plants and explain the properties of herbs in treating diseases using the traditional medical system contained in the novel *Herba Legasi Bonda*. Qualitative methods and content analysis are used in this writing. The findings of this study show that medicinal plants are important in the field of Malay medicine, especially as an alternative treatment method. There are four classifications of medicinal plants with 23 types of plants mentioned in this novel. The classification of medicinal plants consists of leafy plants, fruiting plants, rhizome plants and flowering plants. Among the diseases mentioned in this novel are high blood pressure, cough, inflammation, wounds and drowning. The method of treating some types of diseases using medicinal plants is through the method of boiling and boiling. Creative writing about medicinal plants needs to be expanded so that the public is aware of the importance of medicinal plants that are still practiced as alternative treatments that can cure diseases.

Keywords: Practice; novel *Herba Legasi Bonda*; disease; traditional medicine; medicinal plants

PENGENALAN

Malaysia masyhur dengan hutan Hujan Tropika adalah salah satu anugerah yang tiada tolak bandingnya kepada alam daripada Allah Yang Maha Esa. Hutan juga merupakan sebahagian daripada ekosistem global yang menampung serta memperkaya kehidupan dan kesejahteraan manusia. Tumbuhan yang menghijau bukan sahaja memberikan keindahan pada pandangan, malah jauh lebih baik dalam memberi manfaat kepada ilmu perubatan khususnya bidang perubatan tradisional. Orang Melayu menjadikan alam sebagai guru kerana melalui alam terdapat pelbagai tumbuhan herba yang boleh digunakan dalam bidang perubatan tradisional. Misalnya tumbuhan ubatan banyak digunakan oleh wanita ketika dalam pantang selepas bersalin. Tumbuhan ini digunakan untuk menghilangkan rasa lenguh dan sakit selepas bersalin, meningkatkan darah dalam tubuh menyucikan darah, mengeluarkan lebihan uri daripada uterus, memulihkan tenaga dan kekuatan yang hilang semasa bersalin, meningkatkan pengeluaran susu badan, mengawal daripada gangguan makhluk ghaib, mengembalikan keseimbangan tubuh dan mengubati luka pada saluran peranakan (Aishah@Eshah Haji Mohamed dan Abd. Aziz Haji. Bidin, 2011). Kebanyakan tumbuhan ubatan ini berada di sekeliling rumah dan mudah untuk dijadikan perubatan jika dalam keadaan darurat.

Khasiat sesuatu tumbuhan mempunyai banyak rujukan dan diyakini keberkesannya dalam perubatan tradisional. Terdapat beberapa penulis kreatif yang mula menyedari pentingnya sesuatu khaisat herba untuk dijadikan bahan bacaan kepada pembaca melalui penulisan kreatif khususnya novel. Antara penulis karya kreatif yang menghasilkan novel berkenaan herba ialah Zaharah Nawawi dengan novelnya berjudul *Jalur Sinar di Celah Daun*,

Rohaini Matdarin (*Jendela Menghadap Jalan*) dan Samsiah binti Mohd Nor (*Herba Legasi Bonda*).

LATAR BELAKANG PENULIS DAN NOVEL *HERBA LEGASI BONDA*

Samsiah binti Mohd Nor lahir pada 21 September 1965 di Kuantan, Pahang. Seorang warga pendidik, beliau mula berkhidmat sebagai guru lepasan ijazah di Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari Beranang, Selangor pada tahun 1993, sebelum mengajar di sekolah Menengah Jalan Tiga, Bandar Baru Bangi pada 1994 hingga 2006. Beliau merupakan pemegang Ijazah Falsafah Kedoktoran (Phd) dan beliau kini mengajar di Sekolah Menengah Kajang Utama, Kajang. Selain mengajar di sekolah, Samsiah Mohd Nor pernah menjadi tenaga pengajar bagi Program Permata Pintar Negara di Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada Disember 2009, dan tenaga pengajar sambilan bagi Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu (EDU 3068) dan Kaedah Mengajar Bahasa Melayu (EDU 3063) di Fakulti Pengajian Pendidikan di UPM, Serdang. Beliau juga pernah menjadi Penceramah Undangan bagi “Siri Bengkel Penulisan Kreatif II” di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM, Bangi pada 2009, panel Bicara Novel Adaptasi Novel ke Filem/Drama di Fakulti Media dan Komunikasi UITM, Shah Alam pada 2009, pembentang kertas kerja bertajuk “Pengalaman Sebagai Novelis” di Puri Pujangga, UKM pada 2008 “Proses Penulisan Kreatif” di Fakulti Bahasa Moden, UPM pada 2002, Panel bagi ‘Bengkel Penulisan Kreatif’ anjuran Kelab Jabatan Pengajian Dakwah, Fakulti Pengajian Islam, UKM pada 2007, penceramah bagi Program ‘Perkampungan Penulis Muda Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan 2008’, penceramah jemputan bagi Kolokium Citra Dakwah dalam program anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM pada 2003 dan 2007.

Beliau mula akrab dengan bidang penulisan, puluhan karya yang telah dihasilkan beliau, meliputi pelbagai genre seperti novel, cerpen, puisi, dan esei. Beliau juga merupakan pemenang pelbagai anugerah, antaranya: a. Hadiah Penghargaan Sastera Kumpulan Utusan untuk cerpen “Kembali ke Perut” pada tahun 2001. b. Hadiah Penghargaan Sastera Kumpulan Utusan untuk cerpen “Jangan Menangis Perempuan” pada tahun 2002. c. Hadiah Tempat Pertama dalam pertandingan Menulis Puisi Anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Selangor untuk puisi yang berjudul “Qasidah Guru”. d. Hadiah Tempat Ketiga dalam peraduan menulis cerita Bahasa Melayu anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Selangor bagi cerpen “Sinnochia dan Seorang Lelaki”. e. Anugerah Karyawan Sastera daripada Dewan Persuratan Melayu Pahang, Pahang pada 2004.

Novel *Herba Legasi Bonda* yang merupakan hasil karya Samsiah Mohd. Nor mempunyai 292 halaman dan telah diterbitkan pada tahun 2015 oleh *Pelangi Book* yang terletak di Bandar Baru Bangi, Selangor. novel yang mengandungi 13 bab ini bertemakan tumbuhan herba yang telah diinspirasikan daripada kehidupan seharian masyarakat Melayu. Novel ini mengisahkan tentang khasiat herba dan cara penggunaan tumbuhan herba bagi merawat beberapa penyakit yang dialami oleh watak-watak yang terdapat dalam novel ini. Herba yang diselitkan dalam novel menjadi ramuan penyakit ringan seperti patah tangan, penyakit kulit, luka dan lemas. Penghasilan novel dalam perubatan dan khasiat sesuatu herba merupakan sesuatu yang baru dalam perubatan tradisional dan menjadi bahan tambahan pembaca.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitati yang melibatkan kaedah kepustakaan. Kajian kepustakaan dilakukan untuk mencari bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk yang dipilih seperti buku, jurnal, majalah, ilmiah dan pelbagai lagi. Data dan bahan diperolehi melalui pembacaan yang lebih mendalam. Pencarian bahan dalam menjalankan kajian dijalankan di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), UKM), Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM serta pusat sumber di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (PPBKM) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Kajian perpustakaan dipilih kerana terdapat pelbagai bahan bacaan yang berkaitan dengan khasiat herba yang mudah diperolehi untuk membincangkan penulisan ini.

PENJENISAN DAN PENAMAAN TUMBUHAN HERBA DALAM NOVEL *HERBA LEGASI BONDA*

Terdapat 23 jenis tumbuhan herba yang dinyatakan dalam novel *Herba Legasi Bonda* untuk mengubati beberapa jenis penyakit. Tumbuh-tumbuhan ini diberi nama yang khas, berbeza antara satu dengan yang lain dan kebanyakannya dapat diselaraskan dengan istilah-istilah botani atau saintifik (Harun Mat Piah 2015). Tumbuhan herba yang dinyatakan juga turut digunakan sebagai bahan makanan dan perubatan tradisional. Novel tersebut menyatakan pelbagai jenis tumbuhan herba yang dinyatakan dalam dialog untuk memudahkan para pembaca mengetahui tumbuhan yang terdapat dalam novel *Herba Legasi Bonda*. Terdapat 23 jenis tumbuhan dalam novel *Herba Legasi Bonda*. Tumbuhan ini dikategorikan kepada empat bahagian iaitu tumbuhan herba berdaun, tumbuhan herba berbuah, tumbuhan herba berizom dan tumbuhan herba berbunga. Tumbuh-tumbuhan tersebut dapat dilihat seperti jadual di bawah.

JADUAL 1. Senarai Tumbuhan Herba dan Nama Saintifik

Bil.	Nama Tumbuhan	Nama Saintifik	Bab dalam Novel <i>Herba Legasi Bonda</i>
1.	Pucuk Paku Miding	<i>Stenochlaena Palustris</i>	Bab 3 (m/s 55)
2	Daun Pegaga	<i>Centella asiatica</i>	Bab 3 (m/s 73)
3	Daun Kesum	<i>Polygonum minus</i>	Bab 3 (m/s 73)
4	Kemangi	<i>Ocimum basilicum</i>	Bab 3 (m/s 73)
5	Betik	<i>Carica papaya L</i>	Bab 3 (m/s 73)
6	Pandan	<i>Padanus oduros</i>	Bab 3 (m/s 73)
7	Tenggek Burung	<i>Euodia redlevi</i>	Bab 3 (m/s 73)
8	Pucuk ubi	<i>Manihot Esculenta crants</i>	Bab 3 (m/s 74)
9	Bunga Kantan	<i>Phaeomeria speciose Koord</i>	Bab 7 (m/s 159)
10	Halia	<i>Zinger Officinale</i>	Bab 3 (m/s 74)
11	Lengkuas	<i>Alpinia Galanga</i>	Bab 3 (m/s 74)
12	Kunyit	<i>Curcuma domestica</i>	Bab 3 (m/s 74)
13	Tembaga Suasa	<i>Crinum asiaticum L</i>	Bab 3 (m/s 79)
14	Limau Kasturi	<i>Citrus madurensis lour</i>	Bab 4 (m/s 100)
15	Pokok Senduduk	<i>Melastoma malabathricum</i>	Bab 4 (m/s 106)
16	Bunga Telang	<i>Clitoria ternatea L</i>	Bab 7 (m/s 161)
17	Ulam raja	<i>Cosmus caudatus</i>	Bab 10 (m/s 218)
18	Limau Purut	<i>Citrus hystrix</i>	Bab 7 (m/s 166)
19	Pucuk Manis	<i>Sauropus androgynous</i>	Bab 7 (m/s 160)

20	Terung Pipit	<i>Solanum tarvum</i>	Bab 7 (m/s 168)
21	Daun Gaharu	<i>Malaccensis</i>	Bab 9 (m/s 192)
22	Kasia Merah	<i>Cassia Grandis L.F.</i>	Bab 10 (m/s 214)
23	Hempedu Bumi	<i>Andrographis paniculata</i>	Bab 10 (m/s 214)

Sumber: Novel *Herba Legasi Bonda*

Namun begitu, penulisan ini hanya membincangkan dua jenis tumbuhan sahaja iaitu tumbuhan herba berdaun dan tumbuhan herba berizom. Pemilihan ini dilakukan kerana kedua-dua jenis tumbuhan ini yang banyak dibincangkan dalam novel tersebut.

Tumbuhan Herba Berdaun

Daun adalah bahagian yang tumbuh daripada batang yang berbentuk memipih, berwarna hijau dan lazimnya terdiri daripada satu tangkai dan sehelai daun. Daripada tangkai daun muncul urat daun utama dan dari sini muncul percabangan urat daun. Urat daun berfungsi memberi sokongan kepada bentuk daun di samping sebagai struktur dalam sistem pengangkutan. Urat daun adalah *tisu vascular* yang terdiri daripada *xilem* dan *tisu floem*, masing-masing berfungsi dalam pengangkutan air dan makanan. Daun mempunyai bentuk yang pelbagai seperti lebar, panjang meramping, bercabang atau berbilang. Susunan daun pada batang atau filotaksis bagi sesuatu jenis tumbuhan dengan yang lain adalah berbeza (*Ensiklopedia Malaysiana Jilid 4*, 1996). Berdasarkan novel *Herba Legasi Bonda*, tumbuhan berdaun merupakan herba yang banyak dinyatakan oleh pengarang. Tumbuhan berdaun yang dikupas dalam novel ini ialah pucuk ubi, tembaga suasa, pucuk paku miding, daun pegaga, pucuk manis, ulam raja, daun gaharu, pokok senduduk, daun kesum, daun kemangi, pandan, pucuk betik, tenggek burung dan hempedu bumi.

Pucuk Ubi

Pucuk ubi atau lebih dikenali dengan nama saintifiknya *Manihot Esculenta crants* merupakan famili kepada *Euphorbiaceae* yang dikatakan berasal dari bahagian tropika Amerika. Kini taburannya hampir di semua kawasan tropika serata dunia. Pokoknya renek dan tinggi 4 meter dan semua bahagian mengandungi getah putih dan *glukosid sianogenik*. Batangnya berkayu sama ada bercabang atau tidak, kulit batang berwarna coklat atau kelabu dan kasar kerana banyak parut tangkai daun. Tanaman keratin dahan menghasilkan perbezaan batang, bilangan, bentuk, kedudukan dan saiz akar kebiasaanya 5-10 akar pada satu pokok. Daunnya pula berbentuk ringkas, susunan berpilin dan tangkai daun 5-30 sentimeter panjang. Daunnya jenis tidak terbahagi dan banyak jejari yang hamper sampai tengah daun. Manakala buahnya berbentuk tirus, silinder, bulat sederhana atau sangat besar hingga 10 sentimeter panjang, ukuran garis pusat 15 sentimeter. Pucuk ubi dan daun muda dimakan sebagai sayur oleh orang Melayu, dicelur dan dibuat ulam atau nasi kerabu. Khasiatnya dalam perubatan tradisional pula dapat mengubati tempat patukan ular, demam influenza dan dapat merawat reumatisme (Ong Haen Chooi, 2003). Berikut adalah gambar pucuk ubi.



GAMBAR 1. Pucuk Ubi

Sumber: <https://www.alodokter.com/manfaat-daun-singkong-dan-resep-olahannya>

Berdasarkan novel *Herba Legasi Bonda*, pucuk ubi merupakan salah satu tumbuhan yang dinyatakan oleh pengarang. Pengarang menggambarkan watak Dahlia yang sedang sibuk mengasingkan hasil tumbuhan yang dipetikinya di belakang rumah untuk dihantar ke pasar oleh Bang Midi. Dahlia begitu rajin berniaga tumbuhan yang ditanamnya dan dijadikan sumber pendapatan. Gambaran ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Dahlia melakukan rutinnnya yang biasa. Tanpa perlu diarah dan ditunjuk ajar, dia mengasingkan pucuk-pucuk paku dalam kuantiti yang sama sebelum mengikatnya satu per satu. Dia berjaya menghasilkan lima belas ikat. Dia mengikat daun pegaga pula, sebelum melakukan perkara yang sama pada daun kesum, daun kemangi, daun pandan, daun kunyit, pucuk betik, tenggek burung, **pucuk ubi**, daun pudina, bunga kantan, betik muda, dan jantung pisang.

(Samsiah Mohd. Nor, 2015: 73-74)

Tembaga Suasa

Tembaga suasa mempunyai beberapa nama tempatan iaitu itah tembaga, dedawa dan sedawai. Tembaga suasa (*Crinum asiaticum* L) termasuk dalam keluarga *Amaryllidaceae*. Pokok ini biasanya dijadikan sebagai tanaman khas sama ada untuk hiasan rumah atau tujuan perubatan tradisional. Pokok tembaga suasa mempunyai daya rintang yang tinggi. Pokok ini sering dilihat di tepi-tepi jalan atau di taman-taman yang terdedah kepada cahaya matahari. Ia mempunyai daun yang lebar dan panjang hampir satu meter serta lebih besar daripada saiz daun pandan, tetapi warnanya tidak sehiuau daun pandan (Sabda. S, 2011). Pokok tembaga suasa juga mempunyai khasiat tersendiri iaitu dapat mengubati penyakit bisul dan menggalakkan pertumbuhan tisu. Berikut adalah gambar tembaga suasa.



GAMBAR 2. Tembaga Suasa

Sumber : <https://www.alodokter.com/manfaat-tembaga-suasa-dan-resep-olahannya>

Pengarang menyatakan tumbuhan ubatan Tembaga Suasa ini sesuai untuk kegunaan perubatan tradisional terutamanya penyakit bengkak. Tembaga Suasa digunakan untuk mempercepatkan susut bengkak khususnya pada buku lali apabila terjadi musibah yang tidak diingini seperti terjatuh dan terlangar benda keras yang menyebabkan bengkak pada anggota badan. Hal ini dapat dibuktikan melalui watak Tihani yang sedang termenung melihat daun Tembaga Suasa yang digunakan untuk membalut bengkak buku lali Nek Sal. Nek Sal menerangkan kepada Tihani tentang kegunaan herba Tembaga Suasa untuk perubatan tradisional. Setelah diterangkan oleh Nek Sal tentang kegunaan herba tersebut, Tihani mengangguk tanda faham tentang kegunaan herba tersebut dan mendapat ilmu baru ketika bersama Nek Sal. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Nek Sal memandang Tihani yang asyik merenung daun pembalut buku lalinya. “Ini daun **tembaga suasa**,” jelas Nek Sal seolah-olah tahu apa yang bersarang di kepala Tihani.

“oh... daun tembaga suasa. Saya tak pernah tengok daun ini,” Tihani mengaku.
(Samsiah Mohd. Nor, 2015: 79)

Pucuk Manis

Pucuk manis atau dikenali dengan nama saintifiknya *Sauropus androgynous* merupakan keluarga *Euphorbiaceae* yang mempunyai taburan dari India dan Sri Lanka hingga ke selatan negara China dan Indochina serta seluruh kawasan di Asia Tenggara. Pokok renek ini tumbuh tegak dan tidak berbulu boleh mencapai ketinggian 3.5 meter. Pucuk manis yang ditanam perlu sentiasa dicantas agar menjadi rendah. Selain itu, daun pucuk ini susunannya selang seli, bentuk memanjang atau sedikit bulat bujur, panjang 2-7.5 sentimeter dan lebarnya sekitar 1-3 sentimeter. Bunganya kecil dengan kelopak bunga berwarna merah dihasilkan di ketiak daun. Buahnya berbentuk bulat, jenis kapsul yang mempunyai 6 sudut dan ukuran garis pusat

lebih kurang 1.5 sentimeter. Buahnya ada berwarna merah jambu atau keunguan yang merekah kepada tiga pangsa apabila masak. Pucuk manis ini mempunyai khasiat dari segi makanan dan ubatan. Khasiat makanan buah, pucuk, daun dan bunga sering dijadikan sayur dan boleh dimakan mentah tetapi biasanya digoreng. Pucuk manis apabila di makan mentah biasanya mempunyai bau yang kuat dan rasanya manis. Khasiat dari segi ubatan seluruh bahagian sayur tersebut dimasak dan dimakan oleh wanita yang telah bersalin untuk merangsang penghasilan susu dan pemulihan rahim (Ong Haen Choo, 2003). Berikut adalah gambar pucuk manis.



GAMBAR 3. Pucuk Manis

Sumber: <https://www.google.com/search?q=pucuk+manis&source>

Berdasarkan novel *Herba Legasi Bonda*, pucuk manis digambarkan sebagai tumbuhan ubatan yang mempunyai khasiat merangsang penghasilan susu badan ibu selepas bersalin. Peristiwa ini digambarkan melalui watak Dahlia yang cuba menerangkan kepada Tihani mengenai sayur pucuk manis yang sesuai untuk resepi makanan lemak yang sangat terkenal dalam masyarakat Melayu. Tihani diajar mengenai alam tumbuhan yang berada di sekelilingnya. Dahlia juga banyak mengajarnya kepentingan alam semulajadi selain mengajar cara memetik tumbuhan ubatan. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Hebatnya mereka. Semakin lama bersama-sama mereka, semakin banyak Tihani belajar tentang keprihatinan dan kasih sayang.

“Yang ni sayur **pucuk manis**,” Dahlia memintas lamunan Tihani. Batang sayur itu dipatahkan hampir ke bahagian bawah. “Sedap masak lemak ni.”

(Samsiah Mohd. Nor, 2015: 160)

Ulam Raja

Ulam raja atau lebih dikenali dengan nama saintifiknya *Cosmos Caudatus Kunth* mengandungi vitamin A dan mineral kalsium yang baik untuk kesihatan tulang. Tumbuhan ini banyak dijumpai di kawasan kampung, walaupun tempat asalnya dari benua Amerika.

Tumbuhan ini boleh ditemui di semua kawasan tropika. Penanaman ulam raja adalah melalui bijihnya. Keadaan fizikal ulam raja kebiasaannya tumbuh secara tegak, bahagian atas bercabang-cabang, serta boleh mencapai ketinggian sepanjang tiga meter. Batang ulam raja berwarna hijau sedikit ungu. Keadaan ulam raja pula dalam susunan bertentangan, berbau wangi, terbahagi kepada bahagian yang kecil, iaitu panjang antara 2.5 hingga 20 sentimeter dan lebar antara 1.5 hingga 20 sentimeter. Bahagian atas daun ulam raja berwarna hijau tua, bahagian bawah pula hijau muda dan mempunyai bulu halus. Panjang tangkai daun boleh mencapai sehingga 5 sentimeter panjang. Pokok ulam raja juga mempunyai bunga yang ada pelbagai warna iaitu merah, merah jambu, kuning atau putih (Ong Haen Chooi 2003). Pokok ulam raja mempunyai banyak keistimewaannya yang tersendiri dalam perubatan. Berikut adalah ulam raja.



GAMBAR 4. Ulam Raja

Sumber: <http://www.hernyhafiz.com/2016/02/khasiat-ulam-raja.html>

Dalam novel *Herba Legasi Bonda*, pengarang hanya menyatakan ulam raja dalam urusan jual beli. Urusan jual beli ini digambarkan melalui watak Dahlia dan Mariam yang sangat rajin bekerja memungut hasil tanaman untuk di jual di pasar. Ulam raja menjadi salah satu ulaman yang mendapat permintaan tinggi di pasaran menyebabkan mereka terpaksa mengutip lebih banyak hasil tanaman untuk meraih keuntungan yang bakal diperolehi nanti. Pengarang bukan saja memperlihatkan kebaikan tumbuhan herba, malah mendidik masyarakat untuk meraih keuntungan melalui perniagaan herba seperti yang digambarkan melalui watak Dahlia dan Mariam. Selain itu, pemakanan ulam-ulaman segar telah menjadi makanan tradisi warisan Melayu semenjak zaman berzaman. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut;

“Ambil semua. Kemangi, kesum, pucuk kaduk, **ulam raja**, timun, kacang panjang muda....limau nipis jangan lupa,” Dahlia mengingatkan Mariam dengan suara separuh berteriak.

(Samsiah Mohd. Nor, 2015: 218)

Daun Gaharu

Gaharu mempunyai dua nama vernakular iaitu Tengkaras dan Karas. Pokok ini dikenali dengan nama saintifiknya *Aquilaria Malaccensis Lamk* dari keluarga *Thymelaeaceae*. Pokok ini mempunyai ketinggian 20-30 meter dan ukuran garis pusat batangnya 60 sentimeter; tumbuh lurus tegak, kadangkala beralun atau mempunyai banir setebal 2 meter; pokok licin, warna hampir putih. Daunnya jenis ringkas, susunan berselang seli, tangkai daun 4-6 milimeter panjang, daun 7.5-12 sentimeter panjang dan 2.5-5.5 sentimeter lebar berbentuk memanjang atau mata lembing. Bunga dalam jambak di hujung atau ruas ranting dan ketiak daun, panjang bunga 5-6 milimeter, berwarna sama ada hijau atau kuning. Spesies ini mempunyai taburan semulajadi di Malaysia, India, Myanmar, Indonesia dan Filipina. Kandungan seluruh bahagian *agarafuranoid* dan *seskuiterpenoid* jenis *eudesmen*, *eremorfilan*, *valenkan* dan *vetispiran*. Asap gaharu jika dibakar mengandungi kumpulan kimia yang sama (Ong Haen Choi, 2004:76). Berikut adalah gambar daun gaharu.



GAMBAR 5. Daun Gaharu

Sumber: <https://bijigaharu.blogspot.com/2015/01/manfaat-daun-gaharu>

Pengarang menyentuh mengenai herba pokok gaharu dalam peristiwa Nek Sal yang digambarkan sangat menyayangi alam dan masih mengamalkan perubatan tradisional. Dalam peristiwa tersebut, Nek Sal duduk termenung melihat pokok gaharu yang sudah lama ditanamnya memberikan banyak manfaat terhadap tubuh badannya. Nek Sal menggunakan daun pokok gaharu sebagai minuman rutinnnya setiap hari untuk menjadikan tubuhnya sentiasa kekal sihat dan boleh bekerja keras walaupun sudah dimamah usia. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Nek Sal memandang deretan **pokok gaharu** di tepi rumahnya. Setiap hari dia akan memetik empat helai daun gaharu lalu direndamnya di dalam air yang panas menggelegak. Air itu dibiarkan suam, sebelum diminum. Mengamalkan minum air gaharu menjadikan tubuh Nek Sal sihat sehingga dia mampu berjalan jauh sekalipun lanjut usia.

(Samsiah Mohd. Nor, 2015: 192)

Pokok Senduduk

Pokok senduduk atau dikenali dengan nama saintifiknya *Melastoma malabathricum* merupakan keluarga kepada *Melastom Imbricatum*. Pokok senduduk adalah sejenis tumbuhan yang hidup subur di tempat yang terdapat banyak cahaya matahari seperti di lereng bukit, gunung dan kawasan lapang yang tidak terlalu kering. Pokok senduduk membiak melalui biji benih. Pada bahagian pokok ini terdapat daun, batang, bunga dan buah. Daunnya, berbentuk bundar telur memanjang dan lonjong manakala hujungnya pula melentik. Bunganya pula keluar dari hujung cabang, kelopaknya rata dan jumlah setiap kelopak adalah 4-15 sentimeter. Senduduk mempunyai dua warna yang cantik dan terang iaitu ungu kemerahan dan putih kekuningan. Pada bahagian buahnya, senduduk yang sudah masak akan merekah dan terbahagi kepada beberapa bahagian, warnanya adalah ungu tua kemerahan. Di dalamnya kelihatan biji kecil berbintik-bintik yang warnanya coklat di tengah. Kebiasaannya akar, daun dan seluruh pokok senduduk mempunyai khasiatnya yang tersendiri. Salah satu akar senduduk yang sudah dilumatkan dan direbus untuk diminum dapat menghilangkan penyakit bagi yang bermasalah dengan sistem pencernaan dan cirit birit (Zainatul Suhaida Abdul Rahman 2003). Berikut adalah gambar pokok senduduk.



GAMBAR 6. Pokok Senduduk

Sumber : <https://www.google.com/search?q=pokok+senduduk&source>

Berdasarkan novel *Herba Legasi Bonda*, pokok senduduk merupakan salah satu herba yang dinyatakan oleh pengarang. Pengarang menyatakan dalam novelnya pokok senduduk dijadikan untuk perubatan tradisional. Peristiwa ini digambarkan melalui watak Dahlia dan Tihani. Dahlia yang sangat cekap dalam menyediakan ubatan dan mengetahui herba yang sesuai digunakan untuk sesuatu penyakit. Ketika Tihani jatuh dan tangannya terluka, Dahlia terus memetik daun pokok senduduk di kawasan sekitar. Selanjutnya, daun senduduk diramas-ramas dengan menggunakan tangan dan ditampal pada bahagian anggota badan yang

terluka. Dahlia memanfaatkan sepenuhnya ilmu yang diturunkan oleh Nek Sal untuk membantu orang lain apabila berada dalam kecemasan. Gambaran ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Daun **senduduk** ini boleh ubat luka”, jelas Dahlia apabila melihat Tihani terpinga-pinga memandang bewarna hijau kehitaman dilengannya. Barulah Tihani faham.
(Samsiah Mohd. Nor, 2015: 107)

Daun Pegaga

Pegaga atau lebih dikenali dengan nama saintifiknya *Centella asiatica* merupakan kumpulan daripada famili *Umbeliferae*. Pegaga merupakan sejenis tumbuhan yang tumbuh menjalar atau merayap di atas tanah. Ia biasanya ditemui di kawasan yang agak lembab, kawasan terbuka, sawah padi dan padang. Ia sejenis tanaman berumpun bermusim tanpa batang dengan rizom yang pendek, dari segi morfologi pegaga mempunyai kepanjangan di antara sepuluh hingga lapan puluh sentimeter. Daunnya jenis tunggal berbentuk bulat seperti ginjal, berwarna hijau kekuningan dan biasanya berukuran dua sentimeter hingga lima sentimeter lebar. Tepi daunnya pula bergigi dan sedikit berbulu. Bunga pegaga berwarna merah jambu atau putih berdekatan permukaan tanah. Ia tersusun dalam bentuk jambangan dan berbentuk seperti payung. Biasanya, terdapat tiga pasang jambak bunga yang berukuran satu sentimeter panjang dan setiap bunga ini terdiri daripada lima sentimeter. Pegaga boleh tumbuh hampir di semua kawasan. Ia juga sesuai di tanah yang mempunyai tekstur dari pasir ke liat berpasir malah berupaya hidup dikebanyakan jenis tanah asalkan tidak terlalu berpasir atau terlalu liat (Mastura M. Izanudin dan Mirfat A.H.S., 2008). Berikut adalah gambar daun pegaga:



GAMBAR 7. Daun Pegaga

Sumber: <https://www.melur.com/product/pegaga-kampung/>

Pengarang menggambarkan daun pegaga mempunyai banyak khasiatnya. Perkara ini dinyatakan dalam dialog antara Nek Sal dan Tihani. Pengarang menggambarkan melalui watak Nek Sal yang sentiasa menjaga kesihatannya walaupun sudah lanjut usia dengan memanfaatkan alam herba yang berada disekelilingnya. Nek Sal sangat mementingkan kesihatan dalaman dengan cara makan daun pegaga setiap hari. Daun pegaga terkenal sebagai tumbuhan ubatan untuk merawat kerosakan kulit dan mampu menyerikan wajah. Hal ini, dapat dibuktikan melalui petikan tersebut:

“Awak ni memang tidak pekalah. Ulam inilah yang nenek makan semalam. Ini **daun pegaga** namanya. Awak tak perasan ke?, ke kalau nak makan, lebih elok makan dengan akar-akarnya. Lebih berkhasiat.”

(Samsiah Mohd. Nor, 2015: 161)

Daun Kesum

Kesum atau nama saintifiknya *Polygonum minus* merupakan keluarga *Polygonaceae* yang mempunyai taburan luas di Eropah dan Asia. Kesum tumbuh dengan sendiri di kawasan lembab atau basah dan tanah sawah padi yang terbiar. Pokok herba ini mempunyai ketinggian 10-40 sentimeter dan cabang lazim dihasilkan pada pangkal batang, tirus, dan tumbuh merebak. Daun pokok ini jenis ringkas, berselang-seli, lai daun berbentuk tombak 2-7 sentimeter panjang, 0.3-1 sentimeter lebar dan hujungnya berbentuk daun runcing. Manakala jambak bunga ini terletak di hujung ranting atau ketiak daun, berbentuk tirus, berkedudukan tegak 1.5-5 sentimeter panjang. Buahnya jenis nat kecil, sepanjang 1-2.5 milimeter hampir diselubungi kelopak bunga yang kekal, berkilat, hitam atau perang. Khasiat herba ini terbahagi kepada dua iaitu makanan dan perubatan. Khasiat dari segi makanan daun herba ini dimasak dan dimakan sebagai pembuka selera bagi penggemar ulam-ulaman. Selain itu, khasiat terhadap perubatan tradisional pula ranting berdaun pokok ini sesuai diminum oleh wanita lepas bersalin untuk merawat sakit reumatisme (Ong Haen Chooi, 2008: 144). Berikut adalah gambar daun kesum.



GAMBAR 8. Daun Kesum

Sumber: <https://www.supplybunny.com/en/products/daun-kesum>

Berdasarkan novel *Herba Legasi Bonda*, pengarang ada menyatakan mengenai herba daun kesum dalam novelnya. Namun, daun kesum hanya dinyatakan untuk tujuan urusan jual beli. Peristiwa ini digambarkan melalui watak Dahlia yang melakukan rutin hariannya dengan mengasingkan herba-herba mengikut kategori masing-masing untuk dilihat kuantitinya sebelum di bawa ke pasar untuk dijual. Daun kesum juga merupakan tumbuhan ubatan yang sangat popular khususnya digunakan untuk memasak asam pedas dan laksa. Aromanya yang

segar dan wangi sangat lazat dimasukkan dalam masakan. Oleh itu permintaannya banyak di pasaran. Gambaran ini ditunjukkan dalam petikan di bawah:

Dahlia melakukan rutinnya yang biasa. Tanpa perlu diarah dan ditunjuk ajar, dia mengasingkan pucuk-pucuk paku dalam kuantiti yang sama sebelum mengikatnya satu per satu. Dia berjaya menghasilkan lima belas ikat. Dia mengikat dau pegaga pula, sebelum perkara yang sama pada **daun kesum**, daun kemangi, daun pandan, daun kunyit, pucuk betik, tenggek burung, pucuk ubi, daun pudina, bunga kantan, betik muda, dan jantung pisang.

(Samsiah Mohd. Nor, 2015: 73)

Daun Kemangi

Nama saintifik kemangi ialah *Ocimum basilicum* dalam famili *Lamiaceae* atau *Labiatae*. Selain daripada itu, ia juga dikenali sebagai *holy basil*, *sweet basil*, *thulasi*, ruku-ruku dan ruku hitam. Kemangi ialah tumbuhan yang boleh hidup subur secara semula jadi dan banyak dijumpai terutama di Indonesia. Ia digunakan secara meluas sebagai bahan campuran dalam masakan selain digunakan sebagai bahan ubatan oleh penduduk setempat. Ciri morfologi kemangi, daunnya berbentuk bujur telur, tepi daun berjereja, runcing di hujung dan berwarna hijau. Bunganya tumbuh di pangkal batang dengan panjang 5-10 sentimeter panjang dan berbau wangi. Ia daripada jenis hermafrodit. Di sesetengah negara seperti Afrika dan India Utara, kemangi ditanam untuk menghasilkan bau-bauan (minyak wangi) dan sebagai teh untuk minuman. Manakala di negara Rusia, kemangi ditanam untuk menghasilkan kapur barus dan ramuan dalam industri bunga api. Di Indonesia, kemangi sangat popular dalam masakan Padang dan Sumatera, sebagai ulam serta dicampur dalam masakan ikan. Air rebusan daun kemangi dapat membantu melegakan masalah pernafasan dan batuk (Nasnan Jajuli, 2013). Berikut adalah gambar daun kemangi.



GAMBAR 9. Daun Kemangi

Sumber: <http://www.bumbunarasa.com/blog/39-news/371-daun-kemangi>

Daun kemangi merupakan tumbuhan yang sangat diperlukan dalam masakan khususnya masakan yang berkuah. Pada kebiasannya daun kemangi akan digunakan dalam masakan lemak labu dan lemak nangka. Daun kemangi yang dicampurkan dalam masakan

mampu membuka selera makan disamping dapat membantu untuk menyihatkan tubuh badan. Berdasarkan novel *Herba Legasi Bonda*, pengarang menjelaskan daun kemangi digunakan dalam urusan jual beli untuk menambah pendapatan. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Dahlia melakukan rutinnya yang biasa. Tanpa perlu diarah dan ditunjuk ajar, dia mengasingkan pucuk-pucuk paku dalam kuantiti yang sama sebelum mengikatnya satu per satu. Dia berjaya menghasilkan lima belas ikat. Dia mengikat daun pegaga pula, sebelum perkara yang sama pada daun kesum, **daun kemangi**, daun pandan, daun kunyit, pucuk betik, tenggek burung, pucuk ubi, daun pudina, bunga kantan, betik muda, dan jantung pisang.

(Samsiah Mohd Nor 2015: 73)

Pandan

Pandan atau nama saintifiknya *Pandanus Odorus* juga mempunyai beberapa nama lain seperti *screw pine* merupakan keluarga kepada *Pandanaceae*. Pandan wangi juga dikenali sebagai pandan rampai sejenis tanaman yang bersifat saka. Tumbuhan ini berasal daripada Bangka, Indonesia dan telah tersebar luas ke kawasan tropika Asia Tenggara. Pandan yang tumbuh berumpun dan mempunyai daun yang panjang dan meruncing seperti pedang. Terdapat dua jenis pandan, iaitu pandan wangi besar dan pandan wangi kecil. Ketinggian pertumbuhannya kurang 0.75 hingga 1.50 sentimeter. ukuran panjang daun adalah antara 55 hingga 75 sentimeter dan lebar di bahagian tengah adalah antara 4 hingga 5 sentimeter. Manakala ketinggian pandan wangi besar pula adalah kira-kira 3.7 hingga 4.3 meter, panjang daunnya lebih kurang 2.3 meter dan lebar 9 sentimeter (Zuraida Mamat, 2011). Pandan wangi mempunyai banyak kegunaan dalam penyediaan makanan tradisional, terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu di negara ini. Kini pandan digunakan oleh beberapa syarikat untuk kegunaan pewarna dan perisa untuk membuat kek, biskut dan sebagainya. Berikut adalah gambar daun pandan.



GAMBAR 10. Pandan

Sumber: <https://www.google.com/search?q=pandan&source=lnms&tbn>

Dalam novel *Herba Legasi Bonda*, pengarang hanya menyatakan herba pandan yang dijadikan sebagai urusan jual beli. Daun pandan memang mendapat sambutan yang tinggi dalam pemasaran untuk menyediakan juadah kuih muih khususnya untuk dijadikan pewangi atau pewarna. Peristiwa ini digambarkan melalui watak Dahlia yang digambarkan sangat rajin dalam melakukan pekerjaan rutinnya untuk memetik herba dan dijual di pasar bagi menampung keluarganya yang serba kekurangan. Dahlia yang sangat banyak mengetahui mengenai sambutan yang sangat tinggi di pasaran membuatkan dia memperbanyakkan lagi kuantiti herba yang di petik untuk di jual. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Dahlia melakukan rutinnya yang biasa. Tanpa perlu diarah dan ditunjuk ajar, dia mengasingkan pucuk-pucuk paku dalam kuantiti yang sama sebelum mengikatnya satu per satu. Dia berjaya menghasilkan lima belas ikat. Dia mengikat dau pegaga pula, sebelum perkara yang sama pada daun kesum, daun kemangi, **daun pandan**, daun kunyit, pucuk betik, tenggek burung, pucuk ubi, daun pudina, bunga kantan, betik muda, dan jantung pisang.

(Samsiah Mohd Nor 2015: 73)

Pucuk Betik

Betik atau dikenali dengan nama saintifiknya *Carica papaya* merupakan keluarga *Caricaceae*. Pokok betik tumbuh separa berkayu, lembut serta berserat dan berlubang di dalamnya. Pokok betik mempunyai daun bercabang tujuh dengan setiap cabang berkeluk-keluk berpasangan dengan bentuk yang meruncing melingkari hujung tangkai. Tangkai daunnya panjang berwarna hijau muda serta berongga di tengah menjadikan daun betik ini amat seni bentuknya. Bunganya berwarna putih, sementara isi buahnya ada yang berwarna merah oren dan kuning apabila masak. Bunga jantannya bertangkai panjang, bercabang dan tidak menghasilkan buah. Khasiatnya dapat mengelakkan penyakit darah tinggi dan kencing manis (Sabda. S, 2011). Berikut adalah gambar pokok betik.



GAMBAR 11. Pokok Betik

Sumber: <https://www.impiana.my/ini-cara-tut-pokok-betik>

Dalam novel *Herba Legasi Bonda*, pengarang hanya menyatakan pucuk betik dijadikan sebagai urusan jual beli. Pucuk betik sering dijadikan sebagai ulam-ulaman sebagai hidangan makan tengah hari khususnya masyarakat Melayu. Pucuk betik mempunyai banyak khasiat tersendiri seperti dapat mengeluarkan angin jika mengamalkan minum air rebusannya. Selain itu, pucuk betik dan bunga betik juga sering dijadikan urap atau kerabu bagi membangkitkan selera makan. Novel *Herba Legasi Bonda* menggambarkan watak Dahlia yang sangat rajin berniaga ulam-ulaman tersebut kerana mendapat sambutan masyarakat sekeliling seperti yang digambarkan dalam novel *Herba Legasi Bonda*. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Dahlia melakukan rutinya yang biasa. Tanpa perlu diarah dan ditunjuk ajar, dia mengasingkan pucuk-pucuk paku dalam kuantiti yang sama sebelum mengikatnya satu per satu. Dia berjaya menghasilkan lima belas ikat. Dia mengikat daun pegaga pula, sebelum perkara yang sama pada daun kesum, daun kemangi, daun pandan, daun kunyit, **pucuk betik**, tenggek burung, pucuk ubi, daun pudina, bunga kantan, betik muda, dan jantung pisang.

(Samsiah Mohd Nor 2015: 73)

Pucuk Paku Miding

Pucuk paku miding merupakan sejenis tumbuhan pakis herba yang memanjat, batang panjang yang memanjat, merayap atau bersandar. Pokok miding mempunyai daun yang jenis majmuk pinat, daun fertil dan daun steril berasingan; daun fertil sangat tirus dan lai. Daun steril berbentuk bujur telur. Kebanyakan daunnya 17-50 sentimeter panjang dan 10-30 sentimeter lebar. Daun muda berwarna merah dan daun matang berwarna hijau berkilau. Pokok miding juga dikenali dengan nama saintifiknya *Stenochlaena Palustris* dan tergolong dalam keluarga *Blechnaceae*. Taburan paku miding adalah sekitar Asia, Australia dan Polinesia. Ia menjadi rumpai di kawasan kediaman, dusun, kebun dan lading. Pucuk paku miding mudah hidup di kawasan yang lembab. Selain itu, kandungan yang berada dalam pucuk paku miding ialah *betasitosterol-beta-glukopiranosid*, *cerebrosid*, *glikosid*, *kaempferol*, *lutein*, *stenopalusid*, *stenopalustrosid* A, B, C, D, E dan *tilirosid* (Ong Haen Chooi, 2011). Berikut adalah gambar pucuk paku miding.



GAMBAR 12. Pucuk Paku

Sumber: <http://www.malaysiavegetarianfood.com/tag/pucuk-paku/>

Dalam novel *Herba Legasi Bonda*, pengarang ada menyatakan mengenai pucuk paku melalui peristiwa di mana watak Nek Sal dan Dahlia yang sangat gemar akan tumbuhan herba yang berada di sekeliling mereka. Nek Sal memberitahu kepada Tihani akan kebaikan pucuk paku miding untuk dijadikan ulam-ulaman dalam hidangan makan tengah hari. Pucuk paku miding mempunyai banyak khasiatnya seperti menghindar rabun dan merawat cirit birit. Tihani teruja untuk mengetahui dan merasakan sendiri pucuk paku miding yang dihidangkan oleh Nek Sal. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah.

“Nek Sal..kat situ ada banyak **pucuk paku midin!**” Suara Dahlia memecah keheningan suasana. Nek Sal segera ke belukar yang dimaksudkan lalu diretusnyanya pucuk paku midin yang kelihatan segar dengan sulur yang meliuk lembut. “Pucuk-pucuk paku macam ni memang sedap,” kata Nek Sal kepada Tihani sambil menguntum senyum. Perasaan puas tergambar di alur wajahnya yang berkedut seribu itu.

(Samsiah Mohd. Nor, 2015: 55)

Tenggek Burung

Tenggek Burung atau dikenali dengan nama saintifiknya *Euodia redlevi* merupakan sejenis tumbuhan herba yang mempunyai pokok yang renek atau menjadi pokok besar sehingga 30 meter tingginya. Tenggek burung terdiri daripada keluarga iaitu *rutaceae*. Selain itu, jenis daunnya majmuk *trifoliate* (satu daun mempunyai tiga anak daun), kedudukan daun berhadapan, anak daun berbentuk bujur memanjang, 3-20 sentimeter dan 2-8 sentimeter lebar. Buah pokok tenggek burung ini jenis folikel, 4-10 milimeter panjang dan berbentuk bujur atau bujur telur. Manakala bunga pada tumbuhan tenggek burung mengandungi alkaloid, kumarin, minyak esen, dan terpen (Ong Haen Chooi, 2011). Taburan semulajadi tenggek burung dari India dan Sri Lanka hingga China Selatan dan sekitar Asia Tenggara. Ia dalam

hutan primer dan sekunder dari kawasan pamah hingga gunung 2200 m altitud dan juga berada di tanah payah atau yang kurang air. Berikut adalah gambar tumbuhan tenggek burung.



GAMBAR 13. Tenggek Burung

Sumber: <https://www.google.com/search?q=tenggek+burung&source>

Berdasarkan novel *Herba Legasi Bonda*, pengarang hanya menyatakan bahawa tumbuhan Tenggek Burung hanya dijadikan sebagai herba untuk perniagaan. Dahlia yang digambarkan mempunyai rutin hariannya untuk memetik hasil tanaman untuk diniagakan di pasar mengikat satu persatu herba khususnya Tenggek Burung dalam kuantiti yang banyak. Masyarakat Melayu percaya daun Tenggek Burung dapat merawat pengakit darah tinggi dan melancarkan peredaran darah. Tenggek Burung mendapat sambutan kepada masyarakat sering dijadikan ulam dan dimakan bersama sambal belacan. Berikut merupakan gambaran daun tenggek burung yang dijual oleh Dahlia.

Dahlia melakukan rutinya yang biasa. Tanpa perlu diarah dan ditunjuk ajar, dia mengasingkan pucuk-pucuk paku dalam kuantiti yang sama sebelum mengikatnya satu per satu. Dia berjaya menghasilkan lima belas ikat. Dia mengikat dau pegaga pula, sebelum perkara yang sama pada daun kesum, daun kemangi, daun pandan, daun kunyit, pucuk betik, **tenggek burung**, pucuk ubi, daun pudina, bunga kantan, betik muda, dan jantung pisang.

(Samsiah Mohd. Nor, 2015: 73)

Hempedu Bumi

Hempedu bumi atau lebih dikenali dengan nama saintifiknya *Andrographis paniculata* juga mempunyai beberapa nama lain seperti hempedu tanah, akar cerita dan lain-lain. Hempedu bumi ini tergolong dalam keluarga *Acanthaceae*. Hempedu bumi banyak ditemukan di China, India, Thailand dan gugusan Kepulauan Melayu. Herba semusim jenis renek ini boleh tumbuh dengan ketinggian sehingga 90 sentimeter. Daunnya berwarna hijau tua di permukaan atas

dan hijau muda di bawah permukaannya. Setiap buku mempunyai dua helai daun. Bunganya pula kecil dan berwarna hijau. Herba ini juga mempunyai buah atau lengainya bersaiz purata 25 milimeter panjang dan 3 milimeter lebar. Pada peringkat awal, lengainya berwarna hijau muda dan apabila matang menjadi coklat muda. Lengainya akan pecah apabila tempoh matang dan menyebarkan benih di sekitarnya (Zuraida Mamat, 2011). Selain itu herba ini juga mempunyai banyak khasiat dan kegunaan seperti dapat dijadikan ubat untuk penyakit darah tinggi, kencing manis dan antiradang. Berikut adalah gambar tumbuhan hempedu bumi.



GAMBAR14. Hempedu Bumi

Sumber: <https://www.google.com/search?q=hempedu+bumi&source>

Pengarang menggambarkan watak Dahlia memainkan peranan penting dalam menyediakan perubatan tradisional menggunakan herba hempedu bumi untuk mengembalikan semula semangat. Penggunaan herba ini dapat dilihat dalam peristiwa Tihani lemas ketika mandi. Apabila di bawa ke rumah, Dahlia disuruh oleh neneknya untuk memetik daun hempedu bumi untuk direbus dan diminum sebagai penawar mengembalikan semula semangat yang hilang. Jelaslah dilihat bahawa hempedu bumi dijadikan sebagai perubatan dalam novel *Herba Legasi Bonda*. Hal ini dilihat melalui petikan di bawah:

Dahlia akur. Dia turun ke halaman dan terus menuju ke kebun di belakang rumah tempat tertanamnya pokok kasia merah. Nasibnya baik apabila ada beberapa tangkai bunga kasia merah yang sedang kembang. Setelah memetik bunga itu, Dahlia memetik pula beberapa helai daun **hempedu bumi**.

Seperti biasa, Dahlia lincah menyediakan ramuan ubat di dapur. Dia merebus bunga kasia merah sebelum menuangkan airnya ke dalam dua biji gelas. Daun **hempedu bumi** pula dicampurkan dengan serbuk teh. Untuk menyedapkan rasanya dia menambahkan dua sudu gula ke dalam teko teh panas tersebut.

(Samsiah Mohd. Nor, 2015: 214)

TUMBUHAN HERBA BERIZOM

Herba berizom merujuk kepada batang yang tumbuh secara mengufuk di bawah permukaan tanah seperti kunyit dan halia, yang menjadi organ penyimpanan makanan. Batangnya kelihatan bersegmen kerana terdapat buku dan ruas. Pada rizom herba terdapat tunas-tunas yang akan berkembang menjadi batang, akar dan daun (*Kamus Dewan*, 2010). Selain itu, rizom juga dikenali sebagai pembiakan vegetatif bagi tumbuhan. Melalui proses ini, tumbuhan dapat membiak tanpa memerlukan biji benih. Tanaman yang sukar dikacukkan boleh dibiak secara vegetatif. Lazimnya, spesies tanaman kumpulan temu-temuan seperti halia, kunyit, temulawak, lengkuas dan lempoyang boleh dibiak melalui rizom. Rizom terbahagi kepada dua jenis utama, iaitu rizom induk yang bersaiz besar dan rizom cabang yang bersaiz kecil (Cheppy Syukur dan Faridah Sharuddin, t.th.). Berdasarkan novel *Herba Legasi Bonda*, terdapat tiga herba berizom yang dinyatakan iaitu halia, kunyit dan lengkuas.

Halia

Halia merupakan salah satu jenis rempah ratus yang bukan sahaja banyak digunakan dalam masakan timur dan barat, malah menjadi antara rempah terpenting yang diperniagakan di dunia. Nama saintifik bagi halia ialah *Zinger Officinale* yang juga berasal daripada *Zingerberaceae*. Halia di tanam di banyak negara, terutamanya di kawasan tropika lembap. Selain itu, halia juga berasal daripada Asia Tenggara dan kini ditanam secara meluas di seluruh dunia. Antara negara yang banyak mengeluarkan halia ialah India, China, Nigeria, Australia dan Thailand. Halia juga mengandungi zat-zat makanan seperti vitamin A, B serta C, lemak, protein dan asid organik yang mengandungi khasiat dan faedah yang tertentu (MARDI, 2005). Pokok halia boleh mencapai ketinggian antara 30 hingga 100 sentimeter. Tumbuhan ini biasanya mempunyai pucuk dan daun yang tersusun berdekatan antara satu sama lain. Pokok halia juga mempunyai beberapa dahan tirus menegak. Setiap satu dahan mempunyai lapan hingga dua belas helai daun. Selain itu, daunnya juga memanjang dalam bentuk tetombak dengan lebar antara dua hingga tiga sentimeter serta berwarna hijau muda hingga hijau tua. Manakala bunga pokok halia pula berwarna hijau kekuning-kuningan dengan panjang antara empat hingga tujuh sentimeter serta berbentuk bujur. Bunga halia berbentuk seperti tabung dan setiap bunganya dilindungi oleh daun pelindung. Berikut adalah gambar halia.



GAMBAR 15. Halia

Sumber: <https://www.google.com/search?q=gambar+halia&source>

Berdasarkan novel *Herba Legasi Bonda*, pengarang ada menjelaskan mengenai halia dalam petikannya. Pengarang menggambarkan watak Dahlia yang tengah sibuk mengikat halia untuk dibungkus dan dibawa ke pasar. Halia merupakan herba yang sangat orang perlukan untuk penambah rasa dalam masakan kerana mempunyai aroma yang wangi. Selain itu juga halia dijadikan penghilang bau hanyir untuk ikan menyebabkan permintaan halia di pasaran sangat tinggi. Halia selalunya dijadikan bahan untuk merawat angin dalam badan, merendahkan paras kolesterol dan membantu penghadaman. Dari satu aspek yang lain pengarang juga mendidik masyarakat bahawa dengan hasil tanaman herba boleh membuatkan seseorang dapat memperolehi keuntungan melalui perniagaan. Hal ini dapat dilihat melalui watak Dahlia dalam petikan di bawah.

Di suatu sudut sudah bertimbun bungkusan plastik yang berisi cili padi, **halia**, lengkuas, dan kunyit. Ubi kayu dan ubi keledak juga diikat dalam plastikplastik yang berasingan. Semua hasil hutan dan hasil kampung itu biasanya akan dibawa oleh Abang Midi dengan lori satu tannya ke pekan.

(Samsiah Mohd. Nor, 2015: 74)

Lengkuas

Lengkuas merupakan tanaman yang hidup secara rumpun atau berkelompok. Nama saintifik lengkuas ialah *Alpinia Galanga* dan berasal daripada keluarga *Zingerberaceae*. Tumbuhan ini membiak melalui rizom dan boleh mencapai ketinggian sehingga dua setengah meter. Lengkuas boleh digunakan dalam masakan dan untuk tujuan perubatan. Pada kebiasaannya lengkuas tumbuh dalam rumpun yang tepat. Batangnya tegak, terdiri daripada susunan pelepah-pelepah daun. Batang muda keluar sebagai tunas daripada pangkal batang tua (Cheppy Syukur dan Faridah Sharuddin, t.th). Lengkuas juga dikenali sebagai tumbuhan yang hidup dalam jangka masa yang agak panjang berbanding herba sejenisnya yang lain. Rumpun

akarnya adalah umbinya yang beraromatik. Pokok lengkuas sering menghasilkan tunas baru pada rizomnya sama ada rizom di dalam tanah atau di permukaan tanah. Gambar lengkuas adalah seperti berikut:



GAMBAR 16. Lengkuas

Sumber: <https://www.google.com/search?q=lengkuas&source>

Berdasarkan novel *Herba Legasi Bonda*, lengkuas juga merupakan herba yang ada dinyatakan oleh pengarang. Lengkuas merupakan herba berizom yang sangat di perlukan oleh masyarakat khususnya masyarakat Melayu yang banyak menggunakan lengkuas dalam masakan seperti ayam masak lengkuas. Dalam novel ini, pengarang hanya menyatakan herba lengkuas untuk kegunaan perniagaan. Watak Dahlia yang digambarkan oleh pengarang yang sedang sibuk membungkus lengkuas dan herba herba lain untuk dijual di pasar yang di bawa oleh Abang Midi. Lengkuas mendapat permintaan ramai di pasar kerana setiap hari kerja Dahlia hanya tertumpu kepada memetik herba berizom untuk diniagakan di pasar. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Di suatu sudut sudah bertimbun bungkusan plastik yang berisi cili padi, halia, **lengkuas**, dan kunyit. Ubi kayu dan ubi keledak juga diikat dalam plastikplastik yang berasingan. Semua hasil hutan dan hasil kampung itu biasanya akan dibawa oleh Abang Midi dengan lori satu tannya ke pekan.

(Samsiah Mohd. Nor, 2015: 74)

Kunyit

Kunyit atau *Curcuma domestica*, *Zingiberacea* yang juga dikenali sebagai *kurkum* (Arab), *jiang huan*, *yu jin* (China), *India Saffron*, *curuma*, *kunir* (Indonesia), *Kondin*, *temu kuning*, *ukon*, atau *georatiji*. Kunyit merupakan sejenis tumbuhan herba yang memainkan peranan penting dalam masakan masyarakat Asia dan merupakan sejenis tumbuhan berumpun dengan daun selari yang lebar dan membiak melalui pecahan rizom. Kunyit tumbuh melalui tempat yang lembab dan mendapat sinaran matahari yang mencukupi. Isi kunyit selalunya terdiri dari ibu kunyit yang dikelilingi oleh cabang-cabang. Ibu kunyit dikatakan mempunyai khasiat perubatan yang tinggi. Rizom kunyit berwarna coklat diluar dan berwarna oren terang

didalamnya. Ia mempunyai bau yang wangi dan menusuk hidung. Selain kegunaan masakan, kunyit juga terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu dan India dengan khasiatnya sebagai ubat pembersih dalaman badan dan mencantikkan kulit (*Alam Tumbuhan* 2011).



GAMBAR 17. Kunyit

Sumber: <https://www.kabariku.com/baca/bukalayar/201811-4518/kunyit>

Pengarang memperlihatkan herba berizom seperti kunyit, halia dan lengkuas diletakkan di tempat yang sama dalam petikan untuk masyarakat memahami khasiat dan kategori herba mengikut famili herba berizom. Kunyit mempunyai banyak nutrisi yang sangat baik kepada kesihatan, seperti protein, serat, Vitamin C, Vitamin E, potassium, kalsium, zat besi dan magnesium. Kunyit merupakan herba yang sangat terkenal dalam masyarakat untuk dijadikan perubatan mahupun perasa dalam hidangan. Bagi masyarakat Melayu, halia, kunyit dan lengkuas bahan yang perlu ada di dapur mereka. Herba ini boleh dikatakan digunakan setiap hari dalam masakan. Misalnya untuk menggoreng ayam, ikan dan memasak lemak pasti menggunakan kunyit. Pengarang menyatakan dalam novelnya bertimbun bungkusan plastik yang terisi herba berizom sangat mendapat sambutan di pasar tempat mereka menjual. Masyarakat yang digambarkan dalam novel *Herba Legasi Bonda* sangat menunggu kedatangan Dahlia cucu Nek Sal untuk mendapatkan herba berizom untuk dijadikan bahan perasa masakan. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah.

Di suatu sudut sudah bertimbun bungkusan plastik yang berisi cili padi, halia, lengkuas, dan **kunyit**. Ubi kayu dan ubi keledak juga diikat dalam plastikplastik yang berasingan. Semua hasil hutan dan hasil kampung itu biasanya akan dibawa oleh Abang Midi dengan lori satu tannya ke pekan.

(Samsiah Mohd. Nor, 2015: 74)

KESIMPULAN

Novel *Herba Legasi Bonda* yang merupakan hasil karya Samsiah Mohd. Nor mempunyai 292 halaman dan telah diterbitkan pada tahun 2015 oleh *Pelangi Book* yang terletak di Bandar Baru Bangi, Selangor. novel yang mengandungi 13 bab ini bertemakan tumbuhan herba yang telah diinspirasikan daripada kehidupan seharian masyarakat Melayu. Novel ini mengisahkan tentang khasiat herba dan cara penggunaan tumbuhan herba bagi merawat beberapa penyakit yang dialami oleh watak-watak yang terdapat dalam novel ini. Herba yang diselitkan dalam novel menjadi ramuan penyakit ringan seperti patah tangan, penyakit kulit, luka dan lemas. Penghasilan novel dalam perubatan dan khasiat sesuatu herba merupakan sesuatu yang baru dalam perubatan tradisional dan menjadi bahan tambahan pembaca.

PENGHARGAAN

Makalah ini adalah hasil daripada penyelidikan Geran FRGS kod FRGS/1/2020/WAB10/UKM/02/3.

RUJUKAN

- Aan. 2017. Khasiat dan Kegunaan Daun Pandan. <https://www.impiana.my/8-khasiat-dan-kegunaan-daun-pandan-yang-kita-tak-tahu/> [22 April 2019]. Aishah@Eshah Haji Mohamed Abd. Aziz Haji. Bidin. 2011. Wanita Melayu dan Tumbuhan Ubatan: Satu Analisis Budaya. *Jurnal Melayu*, (7), 121 - 146
- Animhosnan. 2016. *Pokok Tenggek Burung*. <http://animhosnan.blogspot.com/2016/08/pokok-tenggek-burung-apa-itu.html> [12 Februari 2019].
- Ashriq Fahmy Ahmad. 2016. *Pengetahuan Tradisional Khasiat Herba*. <http://www.utusan.com.my/sains-teknologi/pertanian/pengetahuan-tradisional-khasiat-herba-1.352032> [16 Januari 2019].
- Cheppy Syukur & Faridah Sharuddin. t.th. *Pembiakan Tanaman Herba*. Kuala Lumpur Symergy Media
- Ensiklopedia Malaysiana*. 1996. Jilid 3. Kuala Lumpur. Anzagain Sdn. Bhd.
- Ensiklopedia Malaysiana*. 1996. Jilid 4. Kuala Lumpur. Anzagain Sdn. Bhd.
- Harres. 2017. *Pucuk Midin*. <http://myagri.com.my/2017/05/pucuk-midin/> [3 Mac 2019].
- Harun Mat Piah. 2015. Ilmu Perubatan Melayu Tradisional dari Naskhah-Naskhah Lama. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 3(3), 23 – 17. <http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2015-0303-01> [15 Ogos 2022].
- Hasrul Hassan. 2017. *Khasiat dan Kegunaan Pokok Bunga Kantan*. <https://www.hasrulhassan.com/2017/10/khasiat-kegunaan-pokok-bunga-kantan.html> [26 April 2019].
- Hidayah. 2018. *Khasiat Limau Kasturi Kepada Seluruh Badan Anda*. <https://aliffchannel.com/info/khasiat-limau-kasturi-kepada-seluruh-badan-anda/> [18 April 2019].
- Kamus Dewan*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kak Zie. 2011. *Khasiat Daun Tembaga Suasah*. <http://blogkakzie.blogspot.com/2011/05/khasiat-daun-tembaga-suasah.html> [5 Mac 2019].

- Mastura M. Izanudin & Mirfat A.H.S. 2008. *Khazanah Alam. Untuk Kesihatan dan Kecantikan*. Selangor: Gemilang Press Sdn. Bhd.
- Nasnan Jajuli. 2013. *Herba Berpotensi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ong Haen Chooi. 2003. *Sayuran: Khasiat Makanan & Ubatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ong Haen Chooi. 2008. *Rempah-ratus: Khasiat Makanan & Ubatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ong Haen Chooi. 2011. *Sayuran: Khasiat Makanan & Ubatan 2*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sabda. S. 2011. *202 khasiat Herba*. Selangor: Dasar Cetak (M). Sdn. Bhd.
- Samsiah Mohd Nor. 2015. *Herba Legasi Bonda*. Selangor: Pelangi Novel Sdn. Bhd.
- Wan Khairun Najmi. 2018. *Khasiat Kunyit Untuk Kesihatan*.
<https://www.xtra.com.my/ms/category/foodies/posts/khasiat-kunyit-kepada-kesihatan>
[23 Januari 2019].
- Zainatul Suhaida Abdul Rahman. 2003. *Herba & Perubatan Tradisi Zaman berzaman*. Kuala Lumpur. Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Zuraida Mamat. 2011. *Herba Berdaun Hijau*. Kuala Lumpur: E1 Publication Sdn.Bhd.
- Zuraida Mamat. 2011. *Herba Berizom*. Kuala Lumpur: E1 Publication Sdn.Bhd.

Biodata Penulis:

Mazlan Tadjang merupakan bekas pelajar Ijazazah Sarjana Muda (Persuratan Melayu) di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Kini beliau menjawat jawatan guru di sebuah sekolah di Kinabatangan Sabah.

Yusmilayati Yunos (PhD.) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Bidang kajian beliau ialah etnoperubatan Melayu.